

# Simpodium, bengkel maritim UMTAS 2008 bulan depan

ST 18/03/08 Pg.T6


Simposium ini penting bagi memastikan kejayaan dan masalah yang dihadapi dalam bidang maritim sebagai sumber kepentingan dapat diketengahkan.

■ AHMAD NURUL FAKHRI  
AHMAD RUSLI

**KUALA TERENGGANU** – Universiti Terengganu Malaysia (UMT) dengan kerjasama kerajaan negeri akan mengadakan ‘Seventh UMT International Symposium on Sains Sustainability and Management (UMTAS) 2008’ bermula dari 8 hingga 10 Jun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Simposium tersebut, Profesor Madya Datuk Dr Saharuddin Abdul Hamid, berkata simposium itu menyediakan platform bagi membincangkan pelbagai peluang dan isu khususnya di bidang maritim.

“Simposium ini penting bagi memastikan kejayaan dan masalah yang dihadapi dalam bidang maritim sebagai sumber kepentingan dapat diketengah-



Sharuddin (kiri) melihat perisian Remote Sensing (RS) dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang digunakan pelajar untuk penyelidika-

kan,” katanya kepada **Sinar Harian**, di sini, semalam.

Menurutnya, simposium tahunan ini sejajar dengan usaha kerajaan negeri memajukan Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) sekali gus mengenal pasti potensi infrastruktur dan pe-

lancongan marin dalam strategi pembangunannya.

Katanya, program ini akan menjadi medan untuk pakar industri maritim, persekitaran marin dan sumber laut bertukar pandangan mengenai pelbagai usaha pengurusan dan penyelidikan berkaitan sumber

pemuliharaan dan perlindungan persekitaran marin.

“Selain itu, simposium ini turut menyediakan forum untuk pemegang saham dan ahli sains marin maritim berkongsi maklumat.

“Sokongan bidang maritim dalam pertumbuhannya

telah mencapai banyak pembangunan dalam industri maritim, teknologi, ekonomi dan kuasa maritim adalah perlu memastikan pencemaran lahan persekitaran marin, eksplorasi berlebihan sumber biologi dapat dikawal,” katanya.